# UPM, HDC Wujudkan Peluang Perdagangan Di Peringkat ASEAN Dalam Produk Halal

**Oleh Khairul Ziana Kinainah**

**Foto oleh Marina Ismail**




**SERDANG, 18 Mac (UPM)** – Produk halal berpotensi tinggi di ASEAN kerana mempunyai lebih 300 juta penduduk Islam, dan dengan membangunkan World Halal Innohub akan membantu negara membangunkan lebih banyak produk halal menerusi inovasi penyelidik.

UPM merupakan universiti pertama yang mewujudkan hab inovasi halal global, World Halal Innohub di Malaysia hasil kerjasama Halal Industry Development Cooperation Sdn. Bhd (HDC) membabitkan nilai pelaburan RM20 juta.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Hamim Samuri berkata, setakat ini terdapat 16 peserta terdiri daripada penyelidik, pakar UPM dan usahawan bagi usaha pengkomersialan produk.




"Malah inovasi serta kajian juga adalah salah satu rantaian penting di dalam produk halal kerana ia membabitkan perakuan standard halal," katanya pada majlis kerjasama UPM dan HDC di Panggung Percubaan UPM.

UPM mensasarkan 20 peserta dalam setahun yang menggunakan ruang inovasi berkenaan dan terdapat perintis terdiri daripada pelbagai sektor antaranya kesihatan dan teknologi maklumat.




Hadir sama pada majlis itu, Naib Canselor UPM, Prof. Dato' Dr. Mohd Fauzi Haji Ramlan; Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Prof. Dato' Dr. Mohd. Azmii Mohd Lila dan Ketua Pegawai Eksekutif HD, Datuk Seri Jamil Bidin. - UPM

RSS | Dasar Privasi | Dasar Keselamatan | Penafian | Notis Hakcipta | Peta Laman | Bantuan| Jumlah Pelawat : 13690006
Paparan terbaik menggunakan Internet Explorer, Safari, Firefox, Google Chrome dengan resolusi 800 x 600 dan 1024 x 768 (S1)
@2013 Universiti Putra Malaysia
Kemaskini Terakhir : 20 Apr 2015